



PERTANDINGAN STREET SOCCER DAN BOLA JARING ANTARA JABATAN SEMPENA R & R



Kelab Kebajikan Kakitangan KUKUM telah mengadakan satu pertandingan Street Soccer dan Bola Jaring antara Jabatan sempena Sukan Riadah dan Rekreasi (R&R) yang diadakan setiap hari RABU. Setiap jabatan telah menghantar pasukan antaranya MUFC-HEP, Kayang 1 & 2-Pembangunan, Power Supply-PP Sistem Elektrik, Canselori untuk Street Soccer. Manakala bagi bola jaring pula antara pasukan yang menyertainya seperti Canselori, Perpustakaan, Bendahari, HEP, ICT dan sebagainya. Suasana pertandingan berjalan dengan lancar dan tanpa sebarang kejadian yang tidak diingini. Penyertaan adalah amat menggalakkan. Setiap pasukan bermain untuk menaikkan nama jabatan masing-masing. Pertandingan seperti ini patut diadakan bagi mengeratkan silaturahim antara kakitangan KUKUM dalam membentuk satu organisasi yang lebih mantap dan bermutu.